



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
RABU 21 OGOS 2024

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2.	NANAS SARAWAK GOLD AKAN DIBAWA KE MAHA 2024 -KETUA SEKRETARIAT, BERNAMA -ONLINE MENILAI SEKTOR PERTANIAN DEMI KEMAKMURAN NEGARA, NASIONAL, SH -9	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)
3. 4.	LARI TINGGAL 17 EKOR LEMBU DI TEBING SUNGAI GOLOK, NEGARA, KOSMO -16 LINTANG-PUKANG LARI TINGGALKAN 17 LEMBU, TANAH MERAH, SH -25	JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS)
5.	MANFAAT SERAT NANAS HASILKAN BISKUT LAZAT, NASIONAL, BH -9	LEMBAGA PERINDUSTRIAN NANAS MALAYSIA (LPNM)
6. 7. 8.	HARGA PADI SUDAH TINGGI, MANA BERAS TEMPATAN?, DALAM NEGERI, UM -7 BEKALAN BERAS TEMPATAN SEMAKIN MUDAH DIPEROLEH DI TERENGGANU, DALAM NEGERI, UM -7 TO BE AND SEE LIKE A PINEAPPLE, VIEWS, THE STAR -15	LAIN-LAIN

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

AM

NANAS SARAWAK GOLD AKAN DIBAWA KE MAHA 2024 – KETUA SEKRETARIAT

🕒 20/08/2024 03:25 PM



Ketua Sekretariat MAHA 2024 Zurihanmi Zakariya

MIRI, 11 Ogos (Bernama) -- Varieti nanas Sarawak Gold (SG1) dijangka akan dibawa dan dipamerkan pada Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agropelancongan Malaysia (MAHA) 2024 di Taman Ekspo Pertanian Malaysia Serdang (MAEPS) yang akan berlangsung dari 11 hingga 22 Sept depan.

Ketua Sekretariat MAHA Zurihanmi Zakariya berkata SG1 ini mempunyai potensi yang sangat besar dan hasilnya boleh dipasarkan baik di peringkat domestik mahupun antarabangsa.

sektor pertanian, dengan harapan impak positif acara ini dapat dirasai bukan sahaja di Sarawak tetapi di seluruh Malaysia," katanya ketika ditemui oleh pemberita pada Karnival Mini MAHA di sini.

Beliau berkata bagi MAHA 2024 kali ini, Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) menyasarkan bilangan penyertaan pempamer dari Sarawak turut meningkat berbanding tahun sebelumnya.

"Pada masa ini sekretariat MAHA 2024 sedang menjalankan proses pemilihan pempamer dari seluruh negara untuk memastikan hanya pempamer dengan kualiti terbaik akan terlibat dalam acara ini.

"Kami berharap acara MAHA 2024 akan menjadi platform yang signifikan untuk mempromosikan sektor pertanian dan penternakan serta meningkatkan kesedaran mengenai potensi produk tempatan di peringkat nasional dan antarabangsa," katanya.

Zurihanmi berkata Jelajah Road to MAHA@Sarawak yang bermula dari negara Brunei pada hari Khamis lalu, kemudian Lawas dan Miri telah melabuhkan tirainya hari ini.

"Jelajah kali ini amat istimewa kerana selain memberi tumpuan kepada negeri Sarawak, kami turut menjelajah ke negara Brunei dan menjemput Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan untuk menyertai MAHA 2024.

"Kami bersyukur kerana jemputan kami disambut baik Menteri Datuk Seri Setia Abdul Manaf Metussin dan beliau telah memberi komitmen untuk hadir selain turut serta dalam pameran itu nanti," katanya.

Bertemakan 'Menuai Harapan Membina Masa Hadapan, program Jelajah Road To MAHA 2024@Sarawak menampilkan pelbagai aktiviti seperti program Jualan Agro Madani, lawatan ke TG Agro Fruit Sdn Bhd, lawatan ke Stesen Kerbau Meragang di bahagian

"Lawatan ini bertujuan melihat potensi pembangunan sektor pertanian dan penternakan kerbau di daerah tersebut, selain melibatkan penduduk Lawas dalam program Agro Madani, menerokai kawasan menarik dan berpotensi dalam menghasilkan teknologi moden pertanian, agro pelancongan," katanya

-- BERNAMA

KATA KUNCI

maha 2024

jelajah

road to maha

sarawak

brunei

lawas

miri

BERITA BERKAITAN



JPKSN TELTI KERTAS PEMBENTANGAN KAWALAN DAN PENGUATKUASAAN SEMPADAN NEGARA

🕒 8jam lalu



SARAWAK AKAN MULA EKSPORT KARBON SELEPAS UNDANG- UNDANG PENGHANTARAN RENTAS SEMPADAN DIMUKTAMADKAN

🕒 1hari lalu



PUTERA MAHKOTA BRUNEI BERANGKAT KE PAMERAN RAJA KITA

🕒 1hari lalu

LAGI BERITA



ANWAR KECAM KELEMAHAN TINDAKAN ANTARABANGSA TANGANI GENOSID DI GAZA

🕒 4jam lalu

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
21/8/2024	SINAR HARIAN	NASIONAL	9

Menilai sektor pertanian demi kemakmuran negara

Banci Pertanian 2024 bantu pemerkasaan pertanian negara

Oleh DIANA AZIS
SHAH ALAM

Banci Pertanian 2024 yang dilaksanakan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) dilaksanakan bermula 7 Julai hingga 10 Oktober 2024 bertujuan untuk memahami keadaan sebenar industri pertanian secara keseluruhan di Malaysia.

Timbalan Pesuruhjaya Banci Pertanian 2024, Nazaria Baharudin berkata, bancian kali keempat itu meliputi individu dan pertubuhan atau syarikat yang menjalankan aktiviti pertanian melibatkan tanaman, ternakan, perikanan tangkapan, akuakultur, perhutanan dan pembalakan.

Menurut beliau, ia akan dilaksanakan dengan kerjasama beberapa kementerian dan agensi iaitu Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM), Kementerian Perlindungan dan Komoditi (KPK) serta Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES).

"Kali pertama banci pertanian dilaksanakan adalah pada tahun 1960 melibatkan negeri-negeri Persekutuan Tanah Melayu dan Sarawak sebelum diperluaskan ke Sabah pada 1961.

"Pelaksanaan bancian tahun ini sejajar dengan resolusi *Food and Agriculture Organisation* (FAO), Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) yang mengesyorkan supaya semua negara melaksanakan Banci Pertanian dengan kekerapan sekali dalam tempoh 10 tahun.

"Negara Indonesia, Filipina, Thailand dan Sri Lanka melaksanakan banci pertanian dengan kekerapan 10 tahun sekali tetapi ada negara yang melakukannya setiap lima tahun sekali iaitu Australia, Kanada dan Republik Korea," katanya.

Beliau berkata demikian dalam program Interview bertajuk 'Banci Pertanian, Kunci Kemajuan Pertanian' yang disiarkan secara langsung di semua platform digital *Sinar Harian* pada Isnin.

Dalam pada itu Nazaria menjelaskan, statistik pertanian merupakan data penting untuk digunakan di peringkat perancangan negara.

Justeru menurut beliau, unit



Nazaria (kanan) dan Haizir pada program interview bertajuk 'Banci Pertanian, Kunci Kemajuan Pertanian' yang disiarkan secara langsung di semua platform digital *Sinar Harian* pada Isnin.

statistik bagi sektor pertanian adalah pegangan pertanian yang merujuk kepada pertubuhan perniagaan, institusi dan isi rumah yang terlibat dalam sektor pertanian.

"Aktiviti pertanian merangkumi sektor tanaman, ternakan, perikanan, perhutanan dan pembalakan.

"Dianggarkan sebanyak 1.12 juta tempat kediaman dan 20,000 pertubuhan akan diliputi sepanjang bancian ini dilaksanakan.

"Aktiviti ini akan melibatkan seramai 5,000 pembanci dan penyelia operasi di seluruh negara dan dianggarkan seorang pembanci boleh melengkapkan tiga hingga empat maklumat soal selidik sehari," jelasnya.

Cabaran bancian pertanian

Sementara itu, Nazaria turut mengakui aktiviti bancian akan menempuhi pelbagai cabaran namun optimis ia dapat dilaksanakan dengan baik.

Di peringkat DOSM, beliau berkata, agensi itu telah melaksanakan latihan terperinci meliputi 'training the trainer' hingga pembanci.

"Cabaran memang ada, kalau di Semenanjung secara amnya yang terlibat adalah pengusaha pertanian, jadi amat sukar untuk ditemui pada waktu bancian dijalankan iaitu pukul 9 pagi hingga 5 petang.

"Kalau di Sabah dan Sarawak pula, sudah pasti faktor geografi

menjadi halangan kerana di kawasan pedalaman, kena naik perahu atau pacuan empat roda untuk sampai kepada sasaran," katanya.

Mengenai pemilihan mod pembancian, Nazaria memaklumkan ia mengikut kesesuaian kumpulan sasar mengikut kawasan yang dibanci.

Menurutnya, Malaysia mengguna pakai kaedah temuramah bersemuka melalui 'Paper and Pen Interview' (PAPI) bagi Banci Pertanian 2024.

"Pelaksanaan mod pembancian ini adalah fleksibel dengan mengambil kira kebolehcapaian dan kesesuaian mengikut kategori responden.

"Tiga kategori borang soal selidik banci digunakan iaitu Borang AC1 melibatkan profil isi rumah, Borang AC2 untuk dapatkan perincian maklumat ahli isi rumah yang terlibat pertanian dan Borang AC3 bagi melaporkan aktiviti pertanian kendalian pertubuhan atau syarikat," jelasnya.

Manfaat pelaksanaan banci pertanian

Berbaki kurang dua bulan sebelum tarikh akhir Banci Pertanian 2024, Nazaria menjangkakan proses mengumpul

data dan maklumat dapat diselesaikan selewatnya penghujung Disember tahun ini.

Justeru menurut beliau, laporan bagi data pertama dijangka tersedia dan disiarkan pada suku pertama tahun 2025.

"Namun itu bukan satu sahaja maklumat yang akan terbitkan sebab kita ada perancangan untuk mengeluarkan beberapa siri penerbitan.

"Laporan pertama melibatkan keseluruhan dapatan, kemudian kita akan terbitkan yang lebih spesifik iaitu menjurus kepada tanaman, perikanan, perhutanan dan pembalakan serta ternakan," jelasnya.

Dalam pada itu Nazaria berpandangan, beberapa golongan bakal mendapat manfaat daripada laporan bancian tersebut termasuk pembuat dasar dan ahli akademik.

Ini kerana ujanjarnya, dapatan tersebut menyediakan statistik pertanian masa sebenar, komprehensif dan berguna kepada semua pihak.

"Selain itu golongan penyelidik dapat menjalankan kajian lanjut untuk menyumbang kepada pengetahuan dan teknologi baharu dalam sektor pertanian.

"Orang awam juga boleh mengetahui senario industri pertanian dan boleh akses data tersebut untuk mendapatkan manfaat," ujanjarnya.

Malaysia mengguna pakai kaedah temuramah bersemuka melalui 'Paper and Pen Interview' (PAPI) bagi Banci Pertanian 2024."

- Nazaria

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
21/8/2024	KOSMO	NEGARA	16

Lari tinggal 17 ekor lembu di tebing Sungai Golok

TANAH MERAH – Tiga penyeludup terpaksa meninggalkan 17 ekor lembu bernilai RM85,000 selepas mereka diserbu anggota tentera di tebing Sungai Golok, di sini kelmarin.

Dalam kejadian kira-kira pukul 7.30 malam, tiga suspek itu didapati sedang menyeludup lembu di kawasan tanggungjawab Briged Kelapan Infantri Malaysia dekat sempadan Malaysia-Thailand.

Markas Divisyen Kedua Infantri Malaysia (Dua Divisyen) dalam kenyataan berkata, tiga suspek itu sempat melarikan diri dengan menyeberangi Sungai Golok ke arah Thailand sewaktu serbuan dijalankan.

“Mereka meninggalkan sebanyak 17 ekor lembu bernilai RM85,000 di kawasan sempadan negara kita.

“Satu laporan polis sudah dibuat di Balai Polis Nibong, di sini dan kesemua rampasan lembu diserahkan kepada Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis)” katanya semalam.

Katanya, kes disiasat oleh Jabatan Kastam Diraja Malaysia, Kompleks Imigresen, Kastam, Kuarantin dan Keselamatan (ICQS) Bukit Bunga.

Katanya, Tentera Darat Malaysia terus komited bagi memastikan keselamatan di sempadan negara terpelihara.



SEBANYAK 17 ekor lembu seludup yang dirampas di tebing Sungai Golok dekat Tanah Merah kelmarin. – IHSAN DUA DIVISYEN

Tiga penyeludup
seberang Sungai
Golok selepas sedar
kegiatannya dikesan
pihak berkuasa

Oleh HAZEL LANA
KAMARUDIN
TANAH MEAH

Angkatan Tentera Malaysia (ATM) matakkan cubaan membawa masuk 17 ekor lembu ke negara ini melalui Sungai Golok dalam serbuan di sempadan Malaysia-Thailand di sini pada Isnin.

Markas Divisyen Kedua Infantri Malaysia (2 Divisyen) dalam satu kenyataan berkata, bertindak atas maklumat se-pasukan anggota bertugas me-ngesan kelibat tiga individu se-dang menjalankan aktiviti penyeludupan lembu di tebing sungai tersebut kira-kira jam 7 malam.

"Sejurus serbuan dilakukan, ketiga-tiga suspek bertindak melarikan diri dengan me-nyeberangi Sungai Golok ke

Lintang-pukang lari tinggalkan 17 lembu



Anggota bertugas mengesan individu yang menjalankan aktiviti penyeludupan lembu di sungai berkenaan kira-kira jam 7 malam.

negara Thailand dengan me-ninggalkan lembu terbabit. "Kesemua rampasan di-serahkan kepada pihak Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) Rantau Panjang, manakala kes

penyeludupan akan disiasat oleh Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) untuk tindakan selanjutnya," katanya dalam kenyataan di sini pada Selasa. Menurut kenyataan itu, nilai rampasan dianggarkan berjum-lah RM85,000. Ujarnya, ATM akan terus me-mastikan keselamatan di sem-padan negara dan tidak akan berkompromi dengan sebarang aktiviti jenayah rentas sempadan dan penyeludupan.

Manfaat serat nanas hasilkan biskut lazat

**Pengusaha PKS
hasilkan hampir
150,000 biskut
dengan bantuan
tiga pekerja**

Oleh Mohamed Farid Noh
farid_noh@bh.com.my

Johor Bahru: Hampas atau serat nanas mungkin tidak bernilai bagi sesetengah orang, namun seorang pengusaha perusahaan kecil dan sederhana (PKS) di Skudai, di sini, kreatif apabila menjadikannya biskut lazat.

Pemilik N&N Success Enterprise, Norzri Mokhtar, 57, berjaya menghasilkan biskut serat nanas hasil penyelidikan dan pembangunan (R&D) yang dilakukannya, selain tunjuk ajar serta nasihat Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM).

Norzri tidak menyangka percubaannya terjun ke bidang perniagaan makanan berjaya, selepas putus asa apabila perniagaan dalam bidang komputer dan pengurusan acara miliknya, merudum berikutan penularan wabak COVID-19, pada 2020.



Lulusan Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Komputer dari Amerika Syarikat itu pada mulanya buntu memikirkan kelangsungan hidup keluarga berikutnya, pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), namun bertekad bangkit membina permulaan baharu.

Dengan modal simpanan terakhir sebanyak RM20,000, beliau nekad membeli baharu, selain menyewakan premis bagi memulakan perniagaan biskut serat nanas.

"Idea menghasilkan biskut serat nanas ini asalnya daripada LPNM, namun saya dan rakan kongsi, Rozi Atan, 50, membuat beberapa percubaan selain R&D selama lapan bulan, bagi meningkatkan rasa selain memastikan ia mampu menarik selera ramai.

"Akhirnya kami berjaya menghasilkan biskut serat nanas yang menggunakan serat nanas MD2



di bawah jenama N&N Success Enterprise dan bermula dengan 300 kerton produk untuk dipasarkan di Bazar Aidilfitri 2021.

"Namun dugaan berlaku lagi apabila PKP 2.0 diisytiharkan ketika itu dan tidak lama selepas itu rakan kongsi pula meninggal dunia kerana komplikasi penyakit akibat COVID-19.

"Hampir terduduk juga apabila berdepan dugaan lagi. Namun, Allah hamdullillah, Menteri Besar, ketika itu, Allahyarham Datuk Osman Sapian, bersejua membeli sejumlah stok 300 kerton biskut serat nanas ke luaran pertama syarikat saya untuk diagihkan kepada tugas barisan hadapan sempena Aidilfitri," katanya kepada BH.

Aktif promosi

Kejayaan jualan stok pertama biskut serat nanas keluaran syarikatnya memberi suntikan semangat baharu buat Norzri, yang



Norzri menunjukkan biskut serat nanas yang diusahakannya.

(Nur Aisyah Mazalan/BH)

kini semakin aktif mempromosikan produk itu di pelbagai pameran pertanian dan eksporn makanan di seluruh negara.

"Saya bersyukur perusahaan biskut fiber nanas yang hanya menggunakan serat nanas MD2 ini mendapat sokongan penuh LPNM yang membantu dari bahasan mentah iaitu serat nanas, pembangunan teknologi sehinggalah pembungkusan.

"Kini perusahaan saya mampu mengeluarkan hampir 150,000 biskut serat nanas atau bersamaan 150 kerton dengan bantuan tiga pekerja tetap, selain beberapa pekerja sambilan.

"Selain memasarkan produk secara terus di pelbagai pameran pertanian, eksporn makanan serta lot niaga sewaan sementara termasuk di Sarawak, kami juga menerima tempahan untuk di-

jadikan cenderahati majlis termasuk perkahwinan selain dibekalkan kepada ejen berminat," katanya.

Beliau berkata, produk biskut serat nanas keluarannya dijual pada harga RM20 sebekas besar yang mengandungi 40 keping, manakala RM8 untuk pek kecil mengandungi 13 keping.

Katanya, selain biskut serat nanas, perusahaannya juga menghasilkan serunding nanas selain sedang meneroka penghasilan kepingan tenaga (energy bar) berdasarkan hampas atau serat nanas.

Mereka yang berminat mengetahui lebih lanjut mengenai produk biskut fiber nanas dan serunding nanas keluaran syarikat Norzri, boleh menghantar e-mel ke norzri@gmail.com atau Facebook Norzri, N&N Success Enterprise.

Harga padi sudah tinggi, mana beras tempatan?

Oleh MOHD. HAFIZ
ABD. MUTALIB

KANGAR: Kesukaran mendapatkan bekalan beras tempatan di pasaran yang sudah berlanjutan hampir dua tahun, terus menimbulkan persoalan di kalangan kilang-kilang bumbutera kecil yang membeli padi daripada pesawah dengan harga yang tinggi. Dengan harga bekalan padi antara RM1,600 hingga RM2,000 per tan, petani padi ini, agak susah untuk ber-laku masalah ketidadaan beras tempatan berharga RM25 bagi berat 10 kilogram itu.

Salah seorang petani padi yang menguasai pasaran ini ialah Syarifah Besar atau tahun yang menguasai pasaran ini didakwa terus memampulas proses pembungkusan yang menyasarkan beras tempatan kepada pembeli beras tempatan.

Pengertusi Gabungan Pengilang-Pengilang Beras Malaysia (GPPBM) Marzuki, Isu ketika ini, mengatakan bahawa pembelian padi dengan harga yang tinggi meskipun terpaksa menanggung kerugian namun yang menjadi persoalan ialah mengapa masalah ini masih berlaku.

Katanya, petempatan terus ditipu dengan label beras import diperolehi dengan harga yang lebih tinggi.

Justeru, katanya, kerajaan perlu menyelaraskan harga beras pada satu gred yang sama untuk memastikan harga yang adil. Harga suling beras putih tempatan (BPT) bagi mengelak



PARA pekerja menyusun padi yang akan dijual ke pasaran. Kebanyakan beras import di pasaran ini, harganya mahal. **UTUSAN/IZILANOTHMAN**

masalah berkenaan terus ber-lanjutan.

"Dekat dua tahun isu ketidadaan dan kesukaran mendapatkan bekalan beras tempatan berharga RM25 di pasaran ini, berterusan. Kerajaan perlu sudah membeli padi dengan harga yang tinggi, namun terus menjadi persoalan kenapa masih berlaku masalah ini," katanya.

"Mungkin juga mengikut ren-tai terpaksa juga mengikut ren-tai syarikat atau kilang-kilang besar ini membeli padi dengan harga yang lebih tinggi walaupun mereka membeli beras tempatan namun isu ketidadaan bekalan masih berlaku."

"Kerajaan perlu menyera-gunkan harga beras tempatan yang lebih rendah untuk memastikan harga padi akan jadi sia-sia sekiranya beras tempatan

konkulan tersebut bakal mem-beri khalidh kepada pengilang serta pesawah sendiri.

"Ia juga penting bagi mema-tabatkan industri beras negara yang mengalami kemerosotan terus memusnahkan pasaran beras negara," katanya.

Katanya lagi, harga suling ba-hari beras tempatan yang ideal didefinisikan, ditetapkan oleh pengilang beras tempatan pada ke RM37 bagi berat 10 kilogram berkenaan dengan beras im-port.

Adunnya, jika tidak diserag-pada ini, Marzuki menga-malkan bekalan beras tempatan di pasaran akan terus berbilang sehin tidak berupaya menyey-lesaikan masalah ketidadaan bekalan. Beliau berharap kerajaan menuliskan gred beras tempa-tan kepada import oleh pihak tidak bertanggungjawab itu.

Bekalan beras tempatan semakin mudah diperolehi di Terengganu

SETIU: Bekalan beras tempatan di negeri semesta mudah diperolehi di Terengganu, khususnya di daerah ini.

Timuan *Utusan Malaysia* di kedai runcit dan pasar raya di daerah ini, sebelum mendapatkan beras tempatan dijual pada harga yang lebih rendah daripada beras import pula RM30-RM35.

Seorang perniagaan kedai runcit,

Wan Nurul Atikah Wan Mohd Noor, 22, berkata, permintaan beras tempatan semakin meningkat dengan pesat.

"Orang ramai lebih memilih beras tempatan kerana harga yang murah dan kualiti beras tempatan, namun bekalan beras tempatan semakin berkurangan," katanya.

"Selalunya, bekalan beras tempatan bukan hanya boleh dihedhi di pasar raya namun di

kedai-kedai runcit juga sudah banyak dijual.

Beliau berkata, jika tidak perlu bekalan ke bandar untuk mendapatkan bekalan," katanya ketika ditemui di Bandar Telukau, di sini, semalam.

Wan Nurul Atikah menambah, bekalan beras tempatan semakin berkurangan dan tidak mengilang, gram daripada pembekal bagi setiap tempahan.

Sementara itu, seorang peng-gaji di Terengganu, 40, berkata, dia lebih gemar membeli be-ras tempatan kerana harganya lebih murah dengan kuantiti beras yang hampir sama dengan beras import.

Beliau juga berharap bekalan beras tempatan semakin bertambah dan tidak mengilang, gram daripada pembekal bagi setiap tempahan.

To be and see like a pineapple

That means being united and having a collective vision, something that we as a nation need.

IF Sheikh Umar Bagharib Ali has his way, he will replace the papaya as our national fruit with the pineapple.

Sheikh Umar, you see, is the chairman of the Malaysian Pineapple Industry Board (LPNM) and he thinks this fruit deserves to be elevated as such. He cites many good reasons for it.

When celebrating International Pineapple Day on June 27, he told *The Star* that pineapples have lifted Malaysian smallholders out of poverty, provided employment opportunities, contributed greatly to the national economy and had a very productive cycle of "Grow Once, Harvest Three Times" with zero waste ("LPNM hopes to make pineapple a national fruit", online at bit.ly/3SVdOxg).

To me, the cutest reason he cited was that the pineapple's "eyes" reflects the unity and solidarity of all Malaysians.

I wasn't sure what he meant by that, but perhaps he took a cue from the Thai proverb "have eyes like pineapples", which means having collective eyes can help you see better than just one pair.

I could be reading too much into this as Sheikh Umar is asking for the pineapple to be declared "a" national fruit, not "the" national fruit.

While the papaya is cited as our national fruit on some online sites, the durian, for many Malaysians, deserves the title. Then again, should there be more than one national fruit when we only have one "winner" for other categories like animal, bird, flower and more recently, tree?

This was a topic I delved into on Aug 26, 2015, in a column titled "Empower our symbols of unity"



JUNE HL WONG

So aunty, so what?

(online at bit.ly/star_symbols).

At that time, there were a lot of angry Malaysians who were frustrated and disillusioned by the divisive, toxic and racially charged politicking that was going on. There was so much cynicism towards the government of the day that even flying the flag on one's car or house was deemed by some as government propaganda.

Sheikh Umar's pineapple efforts reminded me of that 2015 column because the fruit, like the papaya, is not native to Malaysia but is indigenous to South America.

For that matter, neither is our bunga raya, the *Hibiscus rosa-sinensis*. That's why I asked in that column: Would a flower that originated from China – *sineris* means "Chinese" – and is colloquially known as "China rose" have a ghost of a chance to be adopted as our national flower in our racially-bigoted political climate?

It's a question that I think is still relevant nine years on.

Our first prime minister, Tunku Abdul Rahman, named the hibiscus the national flower because this immigrant red flower bloomed abundantly everywhere in the nation; I imagine he and the other founding fathers chose it because

this hardy immigrant red flower represented the many Malaysians who came as immigrants, took root and prospered on this soil.

We had that kind of inclusive leadership then, but do we have that today?

Today, we seem to have so-called leaders who gleefully fan the flames on any issue to show they are champions and protectors of their community's interests, even if it is at the expense of national unity, common sense and plain decency.

Ironically, despite the widely-acknowledged racial polarisation that has been deepening for at least 20 years, the increasingly vitriolic hate speech, baseless accusations, factual distortions and outright lies and acts of violence, our National Unity Index (IPNas) shows the integration level among Malaysians is apparently strong and consistently improving every year.

In June, National Unity Ministry secretary-general Datuk Azman Mohd Yusof was reported as saying that there was a strong understanding and unity among the country's diverse ethnic groups.

According to the IPNas Final Report 2022, which is available on the ministry's website, the score recorded was 0.629 based on a scale measuring social cohesion ranging from 0.0 to 0.1 which falls into four categories: weak (0.0-0.24), low (0.25-0.49), moderate (0.50-0.74) and high (0.75-1.0).

At 0.629, we are moderately united, up from 0.567 in 2018. Based on its nationwide survey of 28,613 respondents, the report says our level of unity exceeds 60%.

I tried reading the report but

found it rather confusing, with a lot of repetition, contradictions, gobbledegook, poor explanations of many terms and concepts, and careless punctuation.

Here's an example which I have faithfully copied from page 68: "Overall, households with high income are found to show a high level of 'unity'. Showing a high level of unity achievement. Since the level of income is often correlated to purchasing power and ownership ability, the higher a household income can show their ability to deal with trivial problems in society which ultimately shows a high level of unity."

Unscramble that for me, please. Indeed, you can check out the report yourself here: bit.ly/unity-report.

A finding that I found surprising was on page 65 of the report concerning "Achievement by State According to Religion". "Overall, the unity achievement is high for all religious categories in Malaysia compared to the national level. These findings show that religion is not an issue that disrupts unity. Really?"

Another statement in the report that struck me is on page 19: "Malaysia exists in a social reality of unity in diversity. The demographic of Malaysia is almost equal between the Bumiputras (sic) and the Non-Bumiputras (sic) 50-50. Assimilation in this situation is not feasible as a basis for unity. The appropriate and chosen basis when independence was gained is integration. Hence, the implication is an ongoing process on attaining unity."

This statement that bumiputras and non-bumiputras are almost equal in numbers surely contra-

dicts what we have been told for the longest time.

According to the Statistics Department, Malays and other bumiputras make up 70.1% of the population as of May this year.

The report does point out weaknesses and issues that need to be addressed and that more can be done to improve the index rating, but I cannot help but wonder at the veracity of the report's findings.

Still, I do believe we Malaysians get along very well for the most part, enjoying the benefits offered by a modern, diverse society.

Tensions are created when self-serving politicians harp on incidents to exacerbate racial and religious issues unnecessarily.

Because of that, I have also been poisoned in my thinking, which was why I was taken aback when an American YouTuber's video showed three Malay secondary schoolboys at this year's Thalipusam festivities at Kuala Lumpur's Batu Caves as Red Crescent Society volunteers.

I had assumed that most Muslims would avoid other religious festivals, but I'd like to think that these three young Muslims, by being there, gained a better understanding of Hinduism, something that they would never have been exposed to in school.

Come to think of it, the pineapple would be a good national symbol indeed if Malaysians can be like pineapple eyes and collectively see and appreciate what a sweet gift of a nation we have.

To that, Selamat Hari Merdeka and Hari Malaysia!

The views expressed here are entirely the writer's own.